

NO. SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 10 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN:

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap masalah lambakan makanan di pasaran yang masih tiada logo halal dan meragukan.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) adalah bersifat sukarela. Ini bermakna, ia terbuka kepada semua pemohon. Dalam hal ini, Kerajaan terus meningkatkan usaha ke arah menambah jumlah bilangan syarikat pemegang Sijil Halal Malaysia ke arah merealisasikan hasrat hanya produk-produk disahkan halal sahaja

berada di pasaran sekaligus mengatasi isu lambakan makanan yang tiada logo halal yang sah di pasaran. Kerajaan giat menjalankan pelbagai bentuk promosi, ceramah, pameran dan sesi penerangan bagi menarik lebih ramai pengusaha-pengusaha untuk mendapatkan Sijil Halal Malaysia dari semasa ke semasa.

Hasil usaha dan kempen kesedaran kepada pengguna terhadap logo halal, didapati permintaan terhadap permohonan sijil halal telah meningkat dari semasa ke semasa. Jumlah permohonan SPHM 2013 hingga 2016 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Permohonan SPHM
2013	4123
2014	8537
2015	7959
2016	10,035

Disamping itu, kesan dari usaha dan dialog dengan pihak industri serta pemilik pasaraya, maka kebanyakan pasaraya telah mensyaratkan hanya barangan yang mempunyai logo dan sijil halal sahaja yang berada di pasaraya tertentu.

Sekian, terima kasih.